



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

EDISI JAN - JUN 2022

BULETIN FSB

fsb.umk.edu.my

FAKULTI SAINS BUMI



1 Hari FSB
@Tropical Rainforest Research Centre (TRaCe)

Fakulti Sains Bumi,
Universiti Malaysia Kelantan
(Kampus Jeli)
17600 Jeli, Kelantan, Malaysia
Laman Web: www.fsb.umk.edu.my
Telefon: +609-947 7030
Faks: +609-947 7032

eISSN 2716-6619



9 772 716 661 004



OfficialUMK
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP
is our thrust

Kita
#BinaLegasiUMK
Bersama

#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream



PROGRAM LAWATAN AKADEMIK KURSUS TEKNOLOGI MAJU DALAM GEOSAINS

Dr, Wani Sofia Udin

Selaras dengan perkembangan teknologi, banyak kaedah-kaedah baru yang telah diperkenalkan bagi melakukan kajian yang relevan dengan bidang geosains. Sehubungan itu, satu program lawatan akademik bertarikh 27 Jun 2022 telah diadakan di dua agensi bertempat di sekitar Kota Bharu, Kelantan. Program ini melibatkan seramai 47 pelajar tahun tiga (3) Program Geosains, Fakulti Sains Bumi (FSB), Universiti Malaysia Kelantan yang mengikuti kursus Teknologi Maju Dalam Geosains. Tujuan lawatan akademik dan praktikal lapangan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepelbagaian teknologi geosains terkini sebagai satu dorongan untuk meningkatkan kecemerlangan diri mahasiswa dalam bidang sains dan teknologi dan penyelidikan. Selain itu, ia dapat memberi peluang kepada pelajar geosains mengasah kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik melalui pendedahan teknologi dalam menyelesaikan isu – isu berkenaan dengan kepentingan geologi semasa. Lokasi pertama lawatan akademik adalah ke Loji Air Rawatan Air dan Makmal Pusat bertempat Kg Puteh, Kota Bharu, Kelantan. Pengisian lawatan dimulai dengan sesi penyampaian dan penerangan berasaskan teknologi merangkumi aspek sumber air, rawatan dan kualiti air oleh jurutera syarikat Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB). Pelajar berkesempatan untuk melihat proses tersebut di sekitar loji. Selesai tinjauan di loji, pelajar dibawa ke Makmal Pusat bagi melihat sendiri aktiviti utama yang dijalankan iaitu penganalisaan sampel air. Analisis yang dijalankan termasuklah ujian kimia bukan organik, mikrobiologi, kandungan besi dan kandungan organik.





Lokasi kedua lawatan akademik bertempat di jeti berhampiran Pasaraya Lotus, Kota Bharu kerana melibatkan sesi pembelajaran di lapangan oleh Syarikat East Mapping Sdn Bhd yang merangkumi teknologi dron, GPS, Total Station dan ukur batimetri. Selain memperkukuhkan rangkaian kerjasama antara industri dan UMK dalam bidang geosains, pelajar juga berpeluang untuk mengasah kemahiran praktikal melalui pendedahan teknologi dalam menyelesaikan isu –isu berkenaan dengan kepentingan geologi semasa. Pengisian lawatan diakhiri dengan sesi penyampaian cenderamata dan bergambar.



Sesi pengenalan dan praktikal – dron, GPS dan ukur batimetri



Pelajar bersama pengiring bergambar bersama pengarah syarikat East Mapping Sdn Bhd